

Perkasa bahasa Melayu

KL, Jakarta
sepakat guna
bahasa serumpun
sebagai perantara
pada persidangan
antarabangsa

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk bersama-sama memperkasakan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa berikutan ia adalah bahasa serumpun bagi kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Presiden Indonesia, Joko Widodo, antara lain bersetuju untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara di semua persidangan antarabangsa.

Ismail Sabri berkata, usaha bersama antara Malaysia dan Indonesia bagi memperkasakan bahasa kebangsaan itu bakal membantu menjadikannya sebagai bahasa ASEAN pada masa depan.

"Kita juga bersetuju dan berterima kasih kepada Presiden (Indonesia) kerana bersetuju dengan Malaysia untuk memperkasakan bahasa Melayu yang juga bahasa serumpun.

"Bahasa serumpun ini merangkumi Bahasa Melayu Malaysia, Bahasa Melayu Indonesia, Bahasa Melayu Brunei, Bahasa Melayu Selatan Thailand, Bahasa Melayu Champa, Bahasa Melayu di Kemboja dan Bahasa Melayu



Ismail Sabri bersama Joko Widodo menyaksikan majlis menandatangani MoU mengenai pengambilan dan perlindungan PDI di Malaysia antara Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Menteri Ketenagakerjaan Indonesia, Ida Fauziah di Jakarta, semalam. (Foto BERNAMA)

di Filipina.

"Kita bersetuju pada setiap persidangan antarabangsa, Presiden Indonesia dan saya akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara. Kita bersetuju jika kita bersama-sama memperkasakan bahasa rumpun Melayu ini, mungkin satu hari nanti ia boleh dijadikan sebagai bahasa ASEAN," katanya pada sidang media bersama Joko Widodo di Jakarta, semalam, selepas menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bagi pengambilan dan perlindungan pekhidmat domestik Indonesia (PDI) di Malaysia.

Ismail Sabri memaklumkan, pertemuan dengan Presiden Indonesia itu turut menyentuh beberapa perkara lain, antaranya

potensi pelaburan Malaysia di Kalimantan Timur, susulan perancangan pembukaan ibu negara Indonesia yang baharu, Nusantara.

Jelas Perdana Menteri, kedua-dua negara bersetuju memperhebatkan pembangunan di kawasan sempadan kedua-dua negara di kepulauan Borneo, dengan kedua-dua negara akan bekerjasama mengenai pasti kawasan perlu dibangunkan, sama ada di Malaysia atau Indonesia.

"Saya berterima kasih kerana Presiden bersetuju untuk kita mengenai pasti kawasan yang akan dimajukan oleh pelabur dari Malaysia di bandar Nusantara nanti," katanya.

Perdana Menteri turut memaklumkan kepada Joko Widodo mengenai fasa peralihan ke ende-

mik di Malaysia bermula semalam, yang mana sempadan negara dibuka semula sepenuhnya dan semua pengembara luar yang lengkap divaksin tidak lagi perlu menjalani kuarantin.

"Menegenai pelantikan Duta Besar Malaysia ke Indonesia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Presiden kerana bersetuju untuk mempercepatkan pelantikan Duta Besar Malaysia ke Indonesia.

"Pertemuan turut menyentuh isu Rohingya dan kami bersetuju bahawa ia perlu diselesaikan secara dalaman oleh pihak Myanmar sendiri. Saya maklumkan, isu Rohingya adalah isu besar di Malaysia kerana terdapat 200,000 pelarian Rohingya di Malaysia," katanya.